



■ Khairy mahu atlet negara pastikan Malaysia bergelar juara keseluruhan

Azlan Muhammad Zain
azlanmz@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiga juara dunia akan mengepalai perarakan kontinjen Malaysia apabila diberikan penghormatan membawa Jalur Gemilang pada upacara pembukaan Sukan SEA, 19 Ogos ini.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengumumkan nama juara keirin dunia Azizulhasni Awang, atlet terjun Cheong Jun Hoong dan pesilat negara Al Jufferi Jamari sebagai pembawa bendera kali ini.

“Saya sudah berfikir panjang dan memutuskan kita akan mempunyai tiga pembawa bendera yang bergelar juara dunia,” menurut Khairy.

Terdahulu beliau meluangkan masa selama sejam menyampaikan amanat kepada atlet negara yang akan bertanding pada temasya dwi-tahunan itu.



KHAIRY (tengah) hadir pada perhimpunan akhir atlet Sukan SEA di Hotel Renaissance, malam tadi.

Menerusi amanatnya, Khairy mengharapkan atlet negara memastikan Malaysia bergelar juara keseluruhan Sukan SEA pada 30 Ogos ini.

Khairy mengingatkan atlet negara supaya berjuang habis-habisan selepas sekian lama melakukan persiapan menghadapi temasya dwi-tahunan itu.

“Kejayaan KL2017 bergen-

tung kepada skuad Kita Juara. Gendang perang sudah dipalau. Api obor sudah dinyalakan. Fizikal dan mental sudah siaga. Tidak ada apa lagi yang akan menghalang kita. Kejar dan genggam emas anda,” katanya.

Jelasnya, atlet perlu lakukan demi diri sendiri bagi kepuasan dan matlamat selepas berkorban masa, tenaga, wang dan keluarga de-

mi negara.

“Tapi di sebalik ribuan perkara, hanya satu perkara menyebabkan saya tidak tidur lena. Satu perkara yang menjadi keutamaan saya adalah keinginan setiap anda untuk dikalungkan sebutir pingat emas.”

Jelas Khairy tempoh 12 bulan yang lalu adalah cukup baik kepada sukan negara dengan kejayaan di

Sukan Olimpik dan Paralimpik Rio.

Momentum tidak terhenti apabila diteruskan atlet muda Malaysia dengan tahun ini, enam rekod olahraga su-
dah dipecahkan.

Malah terus terbang tinggi di persada dunia menerusi Azizul, Jun Hoong selain Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly.

“Saya mengharapkan ta-

ngisan di Rio, Hong Kong, terjunan emas di Budapest akan berulang dan radius kemenangan akan bertambah di bumi Malaysia dalam KL2017. Malaysia perlukan emas anda. Buktikan patriotisme anda dengan kilauan emas,” katanya.

Pada majlis sama Khairy turut melancarkan baru rasmi kontinjen Malaysia pada KL2017.